



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN
DALAM NEGERI, KOPERASI DAN
KEPENGUNAAN**

**GARIS PANDUAN
PELESENAN BARANG-BARANG
KAWALAN BERJADUAL (CSA)**

ISI KANDUNGAN

- Objektif
- Terminologi
- Borang Permohonan
- Keperluan lesen dan fi bagi barang-barang kawalan berjadual
- Serahan Lesen
- Syarat permohonan dan senarai semak

GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN BARANG-BARANG KAWALAN BERJADUAL (CSA)

1. OBJEKTIF

Garis panduan ini bertujuan menerangkan **prosedur permohonan baru, pembaharuan, perubahan, pembatalan dan salinan lesen barang-barang kawalan berjadual** yang diterima daripada pemohon sehingga lesen dikeluarkan.

2. TERMINOLOGI

(i) Barang - Barang Kawalan Berjadual :

Merupakan barang-barang yang diisytiharkan sebagai barang kawalan di bawah seksyen 5 Akta Kawalan Bekalan 1961 iaitu barang yang dinyatakan dalam Bahagian 1 dalam Jadual di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Ayam) 1996. Urusniaga barang-barang kawalan berjadual memerlukan lesen yang dikeluarkan oleh Pengawal Bekalan. Barang-barang kawalan berjadual adalah seperti berikut:

BIL.	BARANG-BARANG KAWALAN BERJADUAL
1.	Tepung gandum
2.	Kerosin
3.	Gula
4.	Baja
5.	Minyak masak
6.	Semua gred Petrol, Spirit Motor dan Gasoline Motor
7.	Semua Gred Diesel
8.	Bar bulat keluli lembut
9.	Simen
10.	Gas petroleum cecair
11.	Semua jenis roti kecuali lof Perancis yang beratnya di antara 200 gram dan 1,000 gram
12.	Ayam

(ii) Lesen Barang Kawalan Berjadual

1. Lesen yang dikeluarkan kepada pengilang, pemborong dan peruncit yang menjalankan urusan barang-barang kawalan berjadual di Bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.
2. Satu lesen dikeluarkan **HANYA untuk setiap premis perniagaan**. Sekiranya pemohon mempunyai banyak premis perniagaan cawangan, setiap cawangan perlu mempunyai lesen yang tersendiri dan permohonan perlu dibuat di PPDNKK negeri di mana premis perniagaan itu beroperasi. Walau bagaimanapun, satu lesen boleh mempunyai beberapa alamat stor di negeri yang berbeza.

(iii) Premis perniagaan (Peraturan 3(3), Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974). Premis perniagaan bermaksud tempat di mana barang kawalan berjadual di kilang atau dijual secara borong atau secara runcit.

(iv) Stor (dinyatakan di dalam lesen)

Tempat simpanan barang kawalan berjadual di mana aktiviti menghantar, mengambil dan menyimpan bekalan barang kawalan berjadual berlaku.

(v) Had kuantiti simpanan

Had kuantiti simpanan yang dinyatakan di dalam lesen/permit merupakan had kuantiti simpanan barang-barang kawalan berjadual yang dibenarkan disimpan pada satu-satu masa. Ia **BUKAN BERMAKSUD** kuota/ had kuantiti belian atau jualan yang dibenarkan kepada peniaga.

(vi) Permit Barang Kawalan

Satu surat kebenaran yang diberikan kepada mana-mana orang untuk membeli daripada pengilang atau pemborong dan menyimpan barang kawalan berjadual untuk kegunaan sendiri **BUKAN** untuk dijual atau diedar kepada peniaga lain. Permit dikeluarkan oleh **Bahagian Penguatkuasa, KPDNKK**. (Contoh : pembelian dan penyimpanan tepung gandum oleh kilang membuat biskut)

Tempoh sah permit adalah mengikut keperluan atau maksimum setahun dan boleh diperbaharui.

(vii) Mengilang

Mengilang adalah apa-apa aktiviti/ proses tidak terbatas kepada proses sama ada secara mekanikal atau menggunakan mesin yang dinyatakan di dalam Bahagian 2, Peraturan 2(1). Pengilang termasuk :

- b. mengilang gandum menjadi tepung gandum;
- c. memproses minyak mentah untuk menghasilkan petrol, diesel, minyak tanah, gas petroleum cecair, *motor spirit* dan *motor gasoline*
- d. mengilang apa-apa gula termasuk proses penapisan gula tetapi tidak termasuk mengilang produk yang mengandungi gula;
- e. Sebarang proses penghasilan simen termasuk pengeluaran klinker dan mencampurkan klinker dengan gypsum.
- f. Sebarang proses penghasilan minyak masak daripada sumber sayur-sayuran dan haiwan.
- g. Sebarang proses menghasilkan baja.
- h. Penghasilan bar besi keluli lembut dan/ atau *high tensile deformed bars* daripada bijih besi atau besi skrap.
- i. Membotolkan gas petroleum cecair (Bottling LPG)

(viii) Pemborong

Peniaga yang menjalankan aktiviti jualan atau jualan semula barangan baru atau terpakai kepada pengedar atau peniaga lain. Pemborong adalah termasuk pembungkus minyak masak.

(ix) Peruncit

Peniaga yang menjalankan aktiviti jualan atau jualan semula barangan baru atau terpakai kepada pengguna akhir.

Nota : Syarikat pembungkus gula dalam paket kecil (untuk tujuan bekalan kepada hotel, restoran dan lain-lain) atau syarikat yang mendapat tender atau kontrak untuk membekalkan barang kawalan kepada organisasi/ institusi seperti sekolah, pusat

latihan, pusat penjara dan lain-lain dikategorikan sebagai peruncit.

(x) Lesen Pihak Berkuasa Tempatan

1. Lesen premis perniagaan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kepada pemohon.
2. Sekiranya tiada lesen premis (seperti bangunan pejabat/ perniagaan di rumah), perlu dikemukakan surat pengecualian daripada PBT atau perjanjian sewaan premis / *Sales & Purchase Agreement*.
3. Sekiranya premis perniagaan tidak terletak di bawah kawasan tadbir PBT, perlu mendapatkan surat kelulusan pembangunan tanah daripada agensi yang mentadbir kawasan tersebut. (Contoh: FELDA, FELCRA, Konsesi Lebuhraya dan sebagainya)

(xi) Perakuan Pendaftaran – Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

Pendaftaran perniagaan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Ordinan Pelesenan Perniagaan 1948 (Sabah) dan Ordinan Perniagaan, Profesion Dan Perlesenan Perdagangan (Sarawak).

(xii) Petroleum Development Act 1974 (PDA) :

Kebenaran yang dikeluarkan di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974

- PDA 1 : Mengusaha stesen minyak/ skid tank/*floating barge*/PCS
PDA 1A : Mengambialih stesen minyak/skid tank/*floating barge*/PCS
PDA 2 : Menjalankan perkhidmatan bunkering
PDA 3 : Menjalankan perkhidmatan pengangkutan bahan-bahan petroleum
PDA 4 : Memasar borong LPG/bahan-bahan berasaskan petroleum
PDA 5 : Menukar alamat/ nama perniagaan/ status perniagaan / rakan kongsi/ pembekal/ menambah pemasaran bahan-bahan petroleum iaitu bagi pemegang lesen PDA yang sedia ada.

(xiii) Perakuan Siap dan Pematuhan/*Certificate of Completion and Compliance (CCC)* :

CCC merupakan perakuan bangunan yang menggantikan Perakuan Kelayakan Menduduki (*Certificate of Fitness for Occupation – CFO*) yang dikeluarkan oleh PBT. CCC dikeluarkan oleh para profesional yang terdiri daripada Arkitek Profesional yang berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia, Jurutera Profesional yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia atau Pelukis Pelan Bangunan yang berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia. Para profesional dan Pelukis Pelan Bangunan ini dilantik oleh pihak pemaju sebagai perunding projek untuk mengawasi bangunan yang didirikan dari peringkat penyediaan pelan sehingga bangunan berkenaan siap dibina.

** Hanya untuk permohonan stesen minyak sahaja.*

(xiv) Surat sokongan Bomba :

Surat sokongan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang menyatakan had kuantiti simpanan yang sesuai bagi produk petroleum, diesel dan LPG.

(xv) Surat Sokongan Pembekal

Surat daripada pembekal yang menyatakan niat untuk membekalkan barang-barang kawalan berjadual kepada pemohon.

(xvi) Koperasi

Sebuah pertubuhan yang berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993 oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

3. **BORANG PERMOHONAN**

Permohonan Lesen Barang Kawalan Berjadual mulai 1 September 2015 hendaklah dilaksanakan secara atas talian di <https://www.bless.gov.my/bless/action/login> bagi lesen di perkara i,ii dan iv di bawah manakala lesen di bilangan iii perlu dipohon di BLESS versi kedua di url <https://bless2.bless.gov.my/bless2/login> :

(i) Lesen Mengilang Barang Kawalan Berjadual (CSA)

- Permohonan baru, pembaharuan, pindaan, cetakan semula dan pembatalan.

(ii) Lesen Borong Barang Kawalan Berjadual (CSA)

- Permohonan baru, pembaharuan, pindaan, cetakan semula dan pembatalan

(iii) Lesen Runcit Barang Kawalan Berjadual (CSA)

- Permohonan baru, pembaharuan, pindaan, cetakan semula dan pembatalan

(iv) Kebenaran Menjalankan Aktiviti di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 (PDA) dan Akta Kawalan Bekalan 1961 (CSA)

- Permohonan **baharu stesen minyak** sahaja. Permohonan PDA dan CSA bersekali.

(v) Permit Barang Kawalan Berjadual

- Permohonan baru, pembaharuan, cetakan semula dan pembatalan

4. **KEPERLUAN LESEN DAN FI BAGI BARANG-BARANG KAWALAN BERJADUAL**

Bil.	Jenis Lesen dan Fi Barang-Barang Kawalan Berjadual	Mengilang	Borong	Runcit
		RM50/tahun	RM25/tahun	RM10/tahun
1.	Gula	√	√	√ (percuma)
2.	Tepung gandum	√	√	√ (percuma)
3.	Minyak Masak	√	√	√ (percuma)
4.	Petrol (RON95 & RON97)	√	√	√
5.	Diesel	√	√	√
6.	Gas Petroleum Cecair (LPG)	√	√	√
7.	Minyak Tanah**	√	√	
8.	Baja**	√	√	
9.	Roti	√		
10.	Simen*	√	√	
11.	Bar Besi Keluli Lembut*	√	√	
12.	Ayam*		√	

Nota:

- (i) * **Pengecualian** lesen runcit **simen, bar besi keluli lembut** dan **ayam** berkuatkuasa pada **15 Julai 2010**.
- (ii) ** **Pengecualian** lesen runcit **minyak tanah** dan **baja** berkuatkuasa pada **1 Mac 1991**.
- (iii) **Pengecualian fi lesen runcit** **gula, tepung gandum** dan **minyak masak** berkuatkuasa pada **1 Julai 2010**.

5. **SERAHAN LESEN**

Pemohon boleh menyemak status permohonan lesen dengan menekan butang “*Track and Monitoring*” di laman web BLESS dari semasa ke semasa. Lesen yang telah diluluskan akan bertukar status menjadi “*Approved*” dan pemohon boleh membuat bayaran fi lesen mengikut tempoh kelulusan sebelum serahan lesen dibuat. Serahan lesen boleh dibuat melalui dua (2) kaedah seperti berikut:

(a) **Serahan melalui kaunter**

- (i) Wakil syarikat perlu **mengemukakan surat perwakilan kuasa (letterhead syarikat)** sekiranya syarikat **menghantar wakil** untuk mengambil lesen CSA.

(b) **Serahan melalui pos**

- (i) pemohon perlu menyertakan **sampul surat berukuran 30sm x 20sm yang beralamat sendiri bersetem bernilai RM2.20 beserta pos berdaftar bernilai RM1.70 ATAU sampul pos ekspres** bagi membolehkan lesen CSA dipos kepada pemohon. Sekiranya perkara ini tidak disertakan, pemohon dikehendaki mengambil sendiri lesen CSA di pejabat yang mengeluarkan lesen.

SYARAT DAN SENARAI SEMAK PERMOHONAN LESEN MENGI LANG, BORONG DAN RUNCIT BARANG-BARANG KAWALAN BERJADUAL

1. Sila isi borang berasingan bagi permohonan untuk lesen **mengilang, borong dan runcit dengan** secara atas talian di www.bless.gov.my/bless.

Nota: Bagi **permohonan baru lesen runcit petrol (RON97), petrol (RON95) dan diesel**, permohonan hendaklah menggunakan Modul **Kebenaran Menjalankan Aktiviti Di Bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 (PDA) Dan Akta Kawalan Bekalan 1961 (CSA)**

Baru dan Pembaharuan	Sila isi bahagian A, B, C, E dan F sahaja
Perubahan Had Kuantiti Simpanan	Sila isi bahagian A, B (1,2,3), C, D(a), E dan F sahaja
Pertukaran Alamat Perniagaan / Stor	Sila isi bahagian A,B (1,2,3), D(b), E dan F sahaja
Perubahan Jenis Barang Kawalan	Sila isi bahagian A,B (1,2,3), C, D(c), E dan F sahaja

2. **SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

Petrol / Diesel / Gas Petroleum Cecair (LPG)/ Kerosin dan Baja Kimia

LESEN MENGI LANG

Permohonan bagi **lesen mengilang** hendaklah mengemukakan salinan dokumen-dokumen berikut:

- (a) Pendaftaran perniagaan / syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)/ Perakuan Pendaftaran Koperasi daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)/ Dokumen Penubuhan di bawah Akta Parlimen atau Kementerian masing-masing;
- (b) Lesen Pihak Berkuasa Tempatan/ Majlis;
- (c) Lesen mengilang atau surat pengecualian lesen mengilang daripada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) *;
- (d) Permit di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 (PDA) daripada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) *;
- (e) Surat sokongan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mengenai kesesuaian tempat perniagaan, stor simpanannya dan kuantiti yang dibenarkan dari segi keselamatan.

LESEN BORONG

Permohonan bagi **lesen borong** hendaklah mengemukakan salinan dokumen-dokumen berikut:

- (a) Pendaftaran perniagaan / syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)/ Perakuan Pendaftaran Koperasi daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)/ Dokumen Penubuhan di bawah Akta Parlimen atau Kementerian masing-masing;
- (b) Lesen Pihak Berkuasa Tempatan/ Majlis;
- (c) Surat sokongan daripada pembekal yang terkini;
- (d) Kebenaran di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 (PDA) daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK);
- (e) Surat sokongan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mengenai kesesuaian tempat perniagaan, stor simpanannya dan kuantiti yang dibenarkan dari segi keselamatan.

* **NOTA : Dikecualikan bagi aktiviti pembotolan (bottling) LPG**

LESEN RUNCIT

Permohonan bagi **lesen runcit** hendaklah mengemukakan salinan dokumen-dokumen berikut:

- a) Pendaftaran perniagaan / syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)/ Perakuan Pendaftaran Koperasi daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)/ Dokumen Penubuhan di bawah Akta Parlimen atau Kementerian masing-masing;
- b) Lesen Pihak Berkuasa Tempatan/Majlis;
- c) Surat sokongan daripada pembekal yang terkini;
- d) Surat sokongan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mengenai kesesuaian tempat perniagaan, stor simpanannya dan kuantiti yang dibenarkan dari segi keselamatan;
- e) Kebenaran di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 (PDA) daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK);

**Nota : i. Minyak tanah dan baja kimia dikecualikan daripada lesen runcit
i. LPG dikecualikan lesen PDA**

Gula/ Tepung Gandum/ Minyak Masak / Simen/ Bar Bulat Keluli Lembut

LESEN MENGILANG

Permohonan bagi **lesen mengilang** hendaklah mengemukakan salinan dokumen-dokumen berikut:

- (a) Pendaftaran perniagaan / syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)/ Perakuan Pendaftaran Koperasi daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)/ Dokumen Penubuhan di bawah Akta Parlimen atau Kementerian masing-masing;
- (b) Lesen Pihak Berkuasa Tempatan/ Majlis;
- (c) Lesen mengilang atau surat pengecualian lesen mengilang daripada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA);

LESEN BORONG

Permohonan bagi **lesen borong** hendaklah mengemukakan salinan dokumen-dokumen berikut:

- (a) Pendaftaran perniagaan / syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)/ Perakuan Pendaftaran Koperasi daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)/ Dokumen Penubuhan di bawah Akta Parlimen atau Kementerian masing-masing;
- (b) Lesen Pihak Berkuasa Tempatan/ Majlis;
- (c) Surat sokongan daripada pembekal.

LESEN RUNCIT

Permohonan bagi **lesen runcit** hendaklah mengemukakan salinan dokumen-dokumen berikut:

- (a) Pendaftaran perniagaan / syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)/ Perakuan Pendaftaran Koperasi daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)/ Dokumen Penubuhan di bawah Akta Parlimen atau Kementerian masing-masing;
- (b) Lesen Pihak Berkuasa Tempatan/ Majlis;
- (c) Surat sokongan daripada pembekal/salinan **invois/resit belian** bulan terakhir.

Nota : Simen dan bar besi keluli lembut dikecualikan daripada lesen runcit

Ayam

LESEN BORONG

Permohonan bagi **lesen borong** hendaklah mengemukakan salinan dokumen-dokumen berikut:

- (a) Pendaftaran perniagaan / syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)/ Perakuan Pendaftaran Koperasi daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)/ Dokumen Penubuhan di bawah Akta Parlimen atau Kementerian masing-masing;
- (b) Lesen Pihak Berkuasa Tempatan/Majlis;
- (c) Surat sokongan daripada pembekal.

Nota : i. Lesen Runcit dikecualikan

ii. Lesen mengilang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani.

Roti

LESEN MENGI LANG

Permohonan bagi **lesen mengilang** hendaklah mengemukakan salinan dokumen-dokumen berikut:

- (a) Pendaftaran perniagaan / syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)/ Perakuan Pendaftaran Koperasi daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)/ Dokumen Penubuhan di bawah Akta Parlimen atau Kementerian masing-masing;
- (b) Lesen Pihak Berkuasa Tempatan/Majlis;

Nota : Lesen borong dan runcit dikecualikan

3. Pemohon perlu memastikan bahawa **borang permohonan lengkap diisi dan dikepilkan bersama-sama kesemua dokumen sokongan** sebelum mengemukakan permohonan. Pihak KPDNKK **tidak akan memproses permohonan** sekiranya borang atau dokumen tidak lengkap.
4. Segala **maklumat dan salinan dokumen-dokumen** yang diberikan dalam borang ini adalah **sah, betul dan benar**. Pihak KPDNKK berhak untuk **membatalkan permohonan / lesen** (sekiranya telah diluluskan) jika didapati **maklumat atau salinan dokumen-dokumen yang diberikan untuk permohonan lesen adalah palsu**.
5. Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dikemukakan di Ibu Pejabat / Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri/ Cawangan di mana premis perniagaan beroperasi.
6. Kelulusan permohonan akan dikeluarkan oleh Ibu Pejabat/ PPDNKK Negeri sahaja.
7. Bagi pembaharuan, salinan lesen perlu dikemukakan.
8. Bagi pembatalan, **LESEN ASAL** hendaklah dikembalikan bersama surat permohonan kepada Ibu Pejabat/ PPDNKK Negeri.
9. Bagi perubahan, **LESEN ASAL** hendaklah dikemukakan semasa/selepas lesen baru dikeluarkan dan dikembalikan kepada Ibu Pejabat/ PPDNKK Negeri.
10. Bagi pengambilalihan **stesen minyak**, lesen asal/surat penamatan daripada syarikat pembekal hendaklah dikemukakan bersama borang permohonan.

Bahagian Perdagangan Dalam Negeri
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)